

16 MAY 1998

DR MAHATHIR GEMBIRA DENGAN PENDIRIAN G-15 DALAM URUSNIAGA MATAWANG

KUALA LUMPUR, 16 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata, beliau gembira dengan pengiktirafan Kumpulan 15 Negara Membangun (G-15) terhadap seruan Malaysia akan perlunya ketelusan dalam urusan matawang antarabangsa.

Menurut beliau, G-15 merupakan forum serantau kedua selepas Asean untuk mengiktiraf seruan Malaysia itu.

"Bagaimanapun, banyak bergantung kepada keputusan ekonomi-ekonomi besar. Buat masa ini, mereka mendapat keuntungan daripada urusan matawang (jadi) saya rasa mereka tidak bergegas untuk mengubah sistem yang ada," kata beliau kepada pemberita di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah selepas pulang daripada lawatan lapan hari ke Mesir dan Sudan.

Oleh sebab itu, katanya, Malaysia mesti belajar bergantung kepada diri sendiri dan bukan kepada simpati ekonomi-ekonomi yang lebih besar.

Semasa berada di Kaherah, Perdana Menteri turut menghadiri Sidang Kemuncak G-15. G-15 terdiri daripada Malaysia, Algeria, Argentina, Brazil, Chile, Mesir, India, Indonesia, Jamaica, Kenya, Mexico, Nigeria, Peru, Senegal, Venezuela dan Zimbabwe.

Dr Mahathir juga berkata Mesir dan Sudan berminat menggunakan ringgit dalam urusan mereka dengan Malaysia.

Beliau berkata, terdapat potensi yang baik bagi perdagangan dengan kedua-dua negara itu.

-- BERNAMA

ARA PR